

05 SEP 1997

SILAP UNTUK PERCAYA PROJEK BESAR PATUT DIMULAI SERENTAK, KATA RAFIDAH

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz berkata di sini hari ini bahawa penangguhan projek-projek besar bukanlah satu "kekecewaan", memandangkan adalah silap untuk mempercayai bahawa semua projek seumpamanya adalah untuk dijalankan serentak.

"Kita (kerajaan) telah membincangkan ini untuk masa yang panjang. Cuma kita katakan bahawa adalah tidak perlu bagi sesetengah projek itu dimulakan tahun depan.

"Ia tidak membahayakan kita. Kita telah meletakkan keutamaan selama ini... mungkin pengumuman itu belum dibuat lagi.

"Mana yang kita perlu buat untuk untuk memperolehi keupayaan yang produktif kita mesti buat. Tiada siapa mesti beritahu kita supaya berhenti membina prasarana kita kerana tanpanya, kita tidak boleh mengekalkan pertumbuhan ekonomi kita pada masa depan dan industri-industri eksport kita," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Rafidah menambah kata kerajaan sebenarnya mulai menangguhkan beberapa projeknya, "malahan tanpa sesiapa tahu (mengenainya)."

Ditanya sama ada beberapa langkah yang diperkenalkan untuk menghapuskan manipulator pasaran saham dan matawang akan membawa balik keyakinan pelabur-pelabur di negara ini, Rafidah berkata, "saya tidak pasti sama ada keyakinan asing telah terhakis (sebenarnya)."

"Apa yang kita lihat ialah beberapa pelarian keluar daripada pasaran saham. Jika itu ditafsir sebagai keyakinan asing, saya ingin menolaknya kerana itu adalah reaksi pelaburan di dalam pasaran modal.

"Keyakinan terhadap Malaysia sebagai sebuah negara untuk menempatkan pelbagai operasi berintensif modal berteknologi tinggi tidak menurun," kata Rafidah.

Beliau berkata dalam tujuh bulan pertama 1997, setengah daripada permohonan untuk projek-projek pembuatan di negara ini adalah daripada pelabur asing, yang berjumlah kira-kira RM14 bilion.

Rafidah berkata kejatuhan di dalam Bursa Saham Kuala Lumpur adalah sementara dan pelabur-pelabur saham asing akan kembali apabila mereka sedar asas-asas sebenar negara ini.

Beliau berkata langkah-langkah untuk membanteras manipulator asing di pasaran saham "adalah satu proses mencari kekuatan kita sendiri."

"Setelah menemui kekuatan dalam negeri, BSKL dengan mudahnya boleh mengatasi sebarang unsur luaran yang negatif," kata Rafidah.

Kepada satu petanyaan, katanya "ulasan-ulasan bijak kepada pelabur-pelabur asing, ditujukan kepada mereka yang masuk untuk memanipulasi."

Mengenai Pembatalan taraf saham-saham ditanda ke atas 100 komponen Indeks Komposit, yang dikuat kuasakan seminggu lalu untuk menyekat manipulasi di pasaran saham, katanya, "setelah melihat keadaan, ia tidak perlu lagi." -- BERNAMA

AD OS/sia